

13 AUG 1997

Mohamed-TV3

TV3 DIBENARKAN KENDALI SIARAN 24 JAM

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Selaras dengan hasrat kerajaan untuk meluaskan penyebaran maklumat, kerajaan hari ini bersetuju membenarkan syarikat televisyen swasta, Sistem Televisyen Malaysia Bhd (TV3), mengadakan siaran dan perkhidmatannya selama 24 jam sehari.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata kerajaan bersetuju memberi kelulusan itu berdasarkan kajian yang dilakukan mengenai kesan dan implikasi siaran televisyen selama 24 jam melalui televisyen kabel dan satelit terhadap nilai hidup rakyat serta kepentingan penyebaran maklumat.

Kelulusan yang dikeluarkan hari ini diberikan selepas mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya pada persidangan berita di sini hari ini.

Sebelum ini kerajaan pernah menolak permohonan syarikat televisyen swasta pertama negara itu untuk mengadakan perkhidmatan siaran 24 jam.

"Pada awalnya kementerian merasa sukar sedikit untuk menimbangankan permohonan (TV3) itu kerana pada masa itu tidak sesuai untuk TV mengadakan siaran 24 jam sebab kita berkehendakkan rakyat Malaysia bekerja kuat...

"Kalau mereka cukup tidur, mereka akan kuat kerja dan tidak terlalu lalai menonton TV 24 jam, kita juga ada matlamat untuk tingkatkan produktiviti dan menentukan bahawa orang Malaysia sentiasa kuat kerja.

"Tetapi keadaan telah berubah sekarang dengan adanya kabel dan satelit TV terhadap nilai hidup yang ada di Malaysia, kita dapati tiada ketagihan yang begitu besar untuk menonton TV walaupun ada perkhidmatan 24 jam," katanya.

Katanya rakyat Malaysia kini semakin bijak menggunakan televisyen dan hanya menonton televisyen pada waktu-waktu tertentu dan program-program yang sesuai sahaja.

Ditanya bila TV3 akan memulakan siaran 24 jam itu, Mohamed berkata ia terserah kepada pihak pengurusan TV3 sendiri untuk melaksanakannya.

"Saya harap selepas surat kelulusan diterima, pihak TV3 akan berunding dengan kementerian mengenai cara mana hendak mengisi program-program masa tambahan empat jam ini," katanya.

Beliau berharap tambahan perkhidmatan siaran daripada 20 kepada 24 jam itu akan dilaksanakan dengan bijaksana dan rakyat menggunakan kebijaksanaannya untuk mendapat faedah dan bukan lalai kerana menonton televisyen.

"Anggaplah ia (siaran TV3 24 jam) sebagai hadiah kepada rakyat Malaysia sempena sambutan kemerdekaan yang ke-40 tahun," katanya.

Mengenai bentuk siaran yang akan diadakan itu, beliau berkata menurut cadangan TV3 semasa membuat permohonan ialah siaran rancangan berbentuk maklumat, "infotainment" dan "edutainment".

Mengenai perkhidmatan siaran Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), Mohamed berkata siaran yang sedia ada adalah mencukupi dan tidak akan ditambah lagi.

Katanya kedudukan RTM juga tidak terganggu dengan adanya penambahan siaran oleh TV3, sebaliknya siaran 24 jam itu akan menambah dan melengkapkan perkhidmatan media elektronik.

Mengenai kelulusan yang mengambil masa hampir setahun itu, Mohamed berkata beliau terpaksa mengambil masa untuk meluluskan permohonan itu kerana kesan-kesan di sebalik pelaksanaan siaran televisyen 24 jam perlu dikaji.

"... bukan sebab ada kelemahan pentadbiran kerajaan tetapi kerana ada

kesan-kesan daripada pelaksanaan (TV 24 jam) yang perlu dikaji."

Ditanya sama ada kementerian akan memberi kebenaran kepada televisyen swasta lain mengadakan siaran 24 jam, beliau berkata perkara itu akan ditimbang apabila ada permohonan. -- BERNAMA

HS NMO